

Pembeli Pr1ma Residensi Bandar Ekar boleh tarik nafas lega

Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my



PR1MA Residensi Bandar Ekar

Kuala Lumpur: Pembeli kediaman Perbadanan Pr1ma Malaysia (pr1ma) Residensi Bandar Ekar, Rantau, Negeri Sembilan, boleh menarik nafas lega apabila projek perumahan itu kini berada di peringkat akhir pemeriksaan bagi mendapatkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), sekali gus dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun ini.

Projek yang membabitkan pembinaan 766 unit rumah teres itu mencapai tahap 98 peratus jualan, dengan 752 unit sudah dimiliki pembeli.

Pr1ma, dalam kenyataannya, berkata kelewatan projek sebelum ini berpunca daripada masalah yang dihadapi kontraktor asal, Bina Terbit Sdn Bhd, sebelum Zikay Synergy Sdn Bhd (ZSSB) dilantik pada 9 September 2021 bagi mengambil alih dan menyiapkan projek berkenaan.

"Setakat Februari 2025, kerja-kerja fizikal di tapak projek sudah siap sepenuhnya dan kini dalam proses pemeriksaan akhir sebelum pengeluaran CCC," kata Pr1ma dalam satu kenyataan.

Kenyataan itu dikeluarkan sebagai maklum balas susulan sesi pertemuan membabitkan pembeli dan wakil Pr1ma di ibu pejabat agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) itu di Petaling Jaya, dekat sini, Rabu lalu.

Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (Dun) Negeri Sembilan, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Labu, Mohamad Hanifah Abu Baker, turut hadir membantu pembeli, seterusnya bertindak sebagai perantara dengan dua isu utama dibangkitkan, iaitu status penyiapan projek dan pembayaran awal sebahagian Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (Plad).

Mengulas lanjut, Pr1ma dalam kenyataannya berkata pemeriksaan bersama Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dan agensi teknikal terbabit sudah selesai, dan pihak kontraktor sedang melaksanakan kerja pematuhan ulasan bagi mendapatkan surat sokongan.

Setakat ini, empat surat sokongan telah diluluskan, manakala enam lagi masih dalam proses kelulusan. Berdasarkan perkembangan semasa, penyerahan kunci dijangka dapat dilakukan secepat mungkin selepas semua kelulusan diperoleh.

Dalam usaha membantu pembeli yang terkesan akibat kelewatan projek, PR1MA juga telah melaksanakan pembayaran awal sebahagian Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Sehingga kini, sebanyak RM48.6 juta sudah dibayar secara berperingkat kepada 707 pembeli yang layak.

Pembayaran itu kepada pembeli akan dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Keutamaan kami pada masa ini adalah memastikan projek siap sepenuhnya dan kunci dapat diserahkan kepada pembeli secepat mungkin, katanya.

PR1MA menegaskan bahawa pihaknya serta kontraktor komited dalam memastikan projek berkenaan disiapkan segera, selain mematuhi segala terma perjanjian jual beli yang dimeterai bersama pembeli.

Portal "Harian Metro" myMetro kelmarin melaporkan hubungan suami isteri berantakan hingga bercerai-berai, malah terdapat pembeli yang sudah meninggal dunia.

Itulah nasib pembeli kediaman PR1MA Residensi Bandar Ekar, Rantau, Negeri Sembilan, yang sehingga kini masih belum diserahkan kunci.

Projek itu, yang dimulakan pada 2017, sepatutnya siap pada Januari 2019, membabitkan 766 unit rumah teres setingkat dan dua tingkat berharga antara RM165,000 hingga RM240,000.

Pembeli, Hamidi Shamsuddin, 41, dilaporkan berkata sudah 15 kali pemaaju berjanji kediaman itu siap dan mereka akan diberi kunci, tetapi ia tidak pernah tertunai sehingga mereka terasa seperti dipermainkan.

Katanya, pembeli berharap rumah dapat disiapkan dan serahan kunci menjelang Aidilfitri tahun ini kerana tiada alasan lagi sebab projek hanya berbaki kurang dua peratus untuk siap.